

# “Jarigan terlampau pandai bercakap...,” kata Dr. M.

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata bertanggungjawab pemimpin-pemimpin UMNO bukan semata-mata untuk mencari nama.

“Tanggungjawab para pemimpin UMNO yang lebih penting ialah untuk meletakkan orang-orang Melayu di tempat yang wajar di negara ini,” katanya ketika merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Shah Alam Ahad lalu.

Timbalan Perdana Menteri itu juga mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak mengkritik Kerajaan secara membuta-tuli kerana tindakan itu hanya akan merugikan orang-orang Melayu sendiri.

Bellau juga kesal dengan sikap setengah-setengah pemimpin dan ahli UMNO yang menjadikan parti sebagai batu loncatan untuk mencari laba.

Setengah-setengahnya begitu pandai bercakap tetapi setelah dapat peluang mereka terus diam.

“Setengah-setengahnya pula heboh mengkritik dalam rencana-rencana akhbar, tetapi dalam diam-diam buat joint-venture,” ujarnya lagi. (Mini-Komen: Dalam bahasa lain, mereka itu berperangal seperti ayam betina, yakni, berkelak dan berketak bila mengutuk Kerajaan dan berdiam diri seperti penyui di pantal, bila mengumpul kekayaan secara senyap-senyap, melalui kemudahan-kemudahan yang dibori oleh Kerajaan dan melalui kestabilan politik yang terdapat di bawah Pentadbiran di hari ini...)

—Dipetik dari Berita Harian Mei 25, 1981.

\* \* \*

## Komen Penulis:

Mengikut pengalaman penulis (secara berpanduan kepada kegiatan setengah-setengah orang politik di setengah-setengah negara di

seberang laut) bahawa ahli-ahli politik yang paling cekap dan bijak di bidang pengkritikan secara membuta-tuli terhadap parti sendiri, biasanya adalah terdiri dari ahli-ahli (atau bekas-bekas pemimpin) yang sudah bankrap modal politik dan kehilangan pengaruh dan sokongan di kalangan ahli-ahli yang rasional — akibat umpamanya ketidak cakapan ataupun penyelewengan. Oleh itu mereka cuba sebarang upaya (tanpa mengira cara) untuk meyakinkan ahli-ahli parti bahawa mereka masih bersemangat, berani, bertenaga, berkebolehan dan berdayaklar untuk memimpin dan memainkan seacula peranan “hero”...

Dalam bahasa lain, mereka itu bercakap (tapi) lebih tepat lagi, menjorlit) bukanlah kerana mereka itu benar-benar ter yakin terhadap kebenaran apa yang mereka laungkan, atau terhadap keadilan sesuatu isu yang mereka perjuangkan, tetapi adalah semata-mata untuk memperolehi pengaruh politik dan dengan itu menambah bilangan peminat dan penyokong — kesemuanya dengan harapan “to stage a come-back” secara berilhamkan, agaknya, kepada cerita seram “The Return of Frankenstein”...

Mengenal ahli-ahli yang cuba menjadikan parti sebagai “batu loncatan untuk mencari laba” — seperti yang diperkatakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir itu — mereka dari golongan ini ialah yang dimaksudkan oleh Presiden Parti, Datuk Hussein Onn, sebagai pemimpin yang mengambil kesempatan “memperkuda” perjuangan parti untuk kepentingan mereka.

\* \* \*

## Catitan Khas:

Oleh kerana ahli-ahli UMNO (kecuali sebilangan kecil) adalah rasional cara pemikiran mereka dan matang pandangan dan nilaian politik mereka, maka mereka tentu sekali akan berkebolehan dari segi mental untuk mengenali atau mengidentifikasikan mana satu pemimpin yang benar-benar jujur, amanah dan berjiwa rakyat, mana satu yang berkelayakan dilebal “Frankenstein” dan mana satu penunggang (rider) yang mengguna parti sebagai kuda untuk keuntungan peribadi semata-mata. NOTA: Pengenalan seperti ini amatlah penting jika ahli-ahli UMNO dari golongan rasional benar-benar mahu mempertahankan nama baik, imej dan maruah parti.